

# Qalam

KDN 434

159 Rajab 1383, Oktober 1963. 60 sen

## Apakah Mesti Bersabar Juga

Apa yang telah kita sebutkan beberapa bulan dahulu, bahawa Sukarno ada mempunyai tujuan-tujuan yang tersembunyi untuk "menjajah" Sabah, Brunei dan Sarawak, sekarang terbentang dengan nyatanya iaitu apabila Sukarno bersama-sama Filipina enggan mengiktiraf Malaysia.

Kita sememangnya telah membayangkan, walaupun ada persidangan-persidangan kemuncak di antara ketua-ketua ketiga-tiga negara yang berkenaan, Indonesia, Filipina dan Persekutuan Tanah Melayu, namun persidangan-persidangan itu hanya sebagai permainan siasah sahaja untuk mendinginkan perasaan atau cemburu sebahagian orang yang tidak mengenal Sukarno atas cita-cita hendak menjadi "maharaja" di dalam Asia ini dengan mengorbankan apa jua pun.

Bukti yang nyata bahawa walaupun rundingan-rundingan diadakan dipersetujukan namun ada-ada sahaja perkara yang diada-adakan.

Di dalam persidangan kemuncak di Manila telah bersetujukan bahawa mereka akan mengakui Malaysia setelah negeri-negeri yang berkenaan ditanya perdirian mereka.

Adakah mereka suka memasuki Malaysia dan kerana

itu maka Persekutuan Tanah Melayu meminta Setiausaha

Bangsa-bangsa Bersatu menghantarkan rombongan penyelidikan untuk menyiasat persetujuan rakyat-rakyat yang berkenaan.

Rombongan itu telah tiba dan Malaya menetapkan

16 September dijadikan Hari Pengisytiharan

Malaysia tetapi Indonesia membuat ragam menghendaki supaya menghantarkan pemerhati-pemerhati sebanyak-banyaknya; dan pemerhati-pemerhati Indonesia itu pula hendaklah dibawa dengan kapal terbang Angkatan Perang Indonesia.

Segala sesuatu ragam yang dibuat oleh Sukarno,

alah sengaja untuk melambatkan terlaksananya urusan-urusan rombongan penyiasan<sup>1</sup> ahli-ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Hingga kerana perbuatan dan oleh mereka akhirnya

sesudah masa hampir siap pekerjaan ahli-ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu baharulah pemerhati-pemerhati dari Indonesia yang diekori oleh Filipina tiba.

Dengan kenyataan di dalam masa akhir penyiasatan itulah

pula dijadikan sebab menunjukkan perasan tidak

puas hati dan menuduh bahawa cara penyiasatan itu

bersalah daripada kehendak dasar rundingan kemuncak

di Filipina dahulu dan kerana itulah Sukarno konon-kononnya

tidak mau mengiktiraf Malaysia.

Dalam pada itu, Sukarno, di sempadan Sarawak,

yang jauh letaknya dari Brunei lalu membantu pergerakan

Azhari. Azhari telah umum diketahui memberontak

di Brunei – tidak di Sabah dan tidak pula di Sarawak

iaitu selain daripada di sempadan-sempadan yang berhampiran dengan Brunei.

Terang dan nyata bahawa Azhari adalah peon

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah penyiasatan.

Sukarno untuk melaksanakan cita-citanya bahawa sekurang-kurangnya Sarawak, Sabah dan Brunei masuk wilayah Indonesia.

Peon ini menerima perintah daripada tuannya dan mendapat jaminan penuh akan mendapat sokongan dari Sukarno. Ini dibuatnya setelah empat lima bulan Azhari berada di Jakarta dengan alasan pergi berubat tetapi sebenarnya menerima perintah dari Sukarno.

Ini dapat dibuktikan dengan nyata apabila pemberontakan Azhari gagal dan tidak mendapat sokongan dari rakyat Brunei sendiri. Ia pergi ke Indonesia dan di Indonesia ia meneruskan pemberontakannya dengan seratus peratus disokong dengan: dakyah di dalam radio, tenaga yang dihantarkan dari Pulau Jawa, senjata wang dan segala-galanya. Semuanya diatur dan disusun oleh Sukarno kerana pertama maukan wilayah-wilayah di Boneo<sup>1</sup> Utara masuk ke dalam kerajaan Sukarno; kedua kerana Sukarno mahu sentiasa ada sahaja keributan di Indonesia yang dijadikan hujah “revolusi” masih belum habis dan rakyat dapat diabui untuk melupakan penderitaan mereka.

Kalau dalam masa pemberontakan hebat di Jakarta, Persekutuan Tanah Melayu menunjukkan kejururannya dan putih hatinya terhadap kerajaan Indonesia dengan tidak sama sekali membantu pemberontakan Indonesia sehingga pemberontak-pemberontak itu terasa pahit benar menghadapi Persekutuan Tanah Melayu sebab segala jalan tersekat bagi mereka maka sekarang balasan baik Persekutuan Tanah Melayu ialah kerajaan Indonesia sudah terang-terang membantu Azhari di dalam segala bahagian. Inilah yang dikatakan sifat Sukarno dan komplotannya ialah membala air madu yang diberi dengan air tuba.

Tengku Abdul Rahman sentiasa menunjukkan

kejujuran beliau tetapi Tengku melupakan sama sekali bahawa Sukarno ini penelan bara – memakan, membuat apa jua pun asalkan nafsunya puas dan hatinya senang kepada peribadi yang kotor inilah Tengku hendak menunjukkan kejururannya? Tidak! Demi Allah – Allah tidak menyuruh berbuat demikian. Jujur ada pada tempatnya dan masanya.

Sekarang kita melihat Azhari dibantu dengan segala-galanya oleh Sukarno – Azhari dijadikannya alat untuk menyampaikan cita-cita untuk mengambil wilayah di utara Borneo. Sukarno membuat apa jua yang kotor sekotor-kotornya untuk tujuan itu. Mengapa kita pula diam?

Apakah kita tidak mengetahui bahawa yang dikatakan neo-kolonialisme yang dicapnya kepada kita itu sebenarnya neo-kolonialisme Indonesia? Sukarno, bangsa Jawa dengan orang-orang Jawanya telah menjajah daerah-daerah di Indonesia. Setelah pemberontakan di Padang maka boleh dikata tidak ada lagi pegawai-pegawai negeri selain daripada orang-orang yang didatangkan dari Jawa. Begitu di daerah lain – dari pegawai-pegawai tinggi hingga kepada pegawai-pegawai rendah semuanya orang-orang dari Jawa atau orang-orang Jawa.

Segala hasil kekayaan daerah semuanya diuntukkan untuk Jawa – dan rakyat di daerah-daerah dijadikan abdi. Agama dijajah dan di daerah itu dijajah. Apakah Malaysia akan tergamak memberikan neo-kolonialisme Jawa terhadap daerah Indonesia? Inilah persoalannya yang patut difikirkan sebagai tindakan balas atas perbuatan Sukarno menyokong penuh Azhari untuk meruntuhkan Malaysia dengan kekuatan senjata!

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah Borneo.